



**KEMENTERIAN KEWANGAN  
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan  
Jalan Persekutuan  
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000  
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207  
Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj Kami : ANM(UKPP)MEL/12 (8)  
Tarikh : 16 Februari 2024  
Bersamaan : 6 Sya'ban 1445H

Ketua Pusat Tanggungjawab/Pusat Pembayar

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**ARAHAN KERJA BIL. 8/2024(O) : PEMBUKAAN SEKATAN *OVERBAJET* BAGI OS17000 UNTUK BAYARAN INSENTIF AWAL (BIA) KAJIAN SISTEM SARAAAN PERKHIDMATAN AWAM TAHUN 2024**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan e-mel dari Ibu Pejabat Jabatan Akauntan Negara Malaysia rujukan BPOPP/SPO (Emel)/2024 (72) bertarikh 15 Februari 2024.

2. Untuk makluman pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, sekatan *overbajet* bagi OS17000 bayaran BIA Kajian Sistem Saraan Perkhidmatan Awam Tahun 2024 di Sistem iGFMAS akan dibuka mulai **19 Februari (Isnin) sehingga 1 Mac 2024 (Jumaat)**. Pembukaan sekatan *overbajet* adalah bagi membenarkan Pusat Tanggungjawab (PTJ) menyediakan Arahan Pembayaran kepada pegawai yang layak menerima BIA yang tidak diproses melalui Sistem Emolumen Berkomputer Modul *Human Capital Management* (HCM) pada tarikh yang ditetapkan. Pembayaran *overbajet* bagi **OS17000** untuk BIA ini adalah selaras dengan surat Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa sebarang keperluan peruntukan tambahan akan diselaraskan oleh Perbendaharaan pada akhir tahun 2024.

3. Justeru itu, bagi PTJ yang terlibat melalui kaedah pembayaran tersebut, dipohon supaya mematuhi keseragaman perihal bayaran yang telah ditetapkan oleh jabatan ini iaitu: **BIA KAJIAN SSPA TAHUN 2024**. Manakala kod akaun yang perlu digunakan adalah seperti berikut :

Kod Akaun	Perihal Kod
B0117104	Pemberian / Bayaran Khas Kakitangan Awam
B0117204	Pemberian / Bayaran Khas Pasukan Keselamatan
B0229306	Pemberian / Bayaran Khas Pekerja Sementara atau Sambilan atau Yang Tidak Menyandang Jawatan Tetap

4. Sehubungan itu, PTJ hendaklah diingatkan agar pembayaran BIA ini disemak rapi agar tiada keciciran bagi pegawai yang layak dan hendaklah disempurnakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sebarang keciciran pembayaran dalam tempoh pembukaan sekatan *overbajet* hendaklah disempurnakan melalui HCM pada bulan berikutnya. PTJ adalah bertanggungjawab untuk memastikan pembayaran BIA tidak dibuat pembayaran dua(2) kali kepada pegawai yang layak.

Kerjasama dan perhatian tuan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"**

**"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***

Saya yang menjalankan amanah,



**(NUR AZIRA BINTI ABD RAHMAN C.A (M))**

Seksyen Operasi

b.p: Pengarah Negeri,

Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Negeri Melaka